



Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri sawit

TERBIT PADA SABTU
MINGGU PERTAMA
SETIAP BULAN



M P O B

3 SEPTEMBER 2011

BERITA HARIAN

e-mail: beritasawit@mpob.gov.my



Kita telah menghantar wakil untuk berhujah mengenai usul itu. Selain itu saya mengarah MPOB supaya menganjurkan seminar dan bengkel di Australia bagi menjelaskan dengan lebih mendalam mengenai industri minyak sawit Malaysia

Tan Sri Bernard Dompok

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi



Senator Australia dipelawa lawat Malaysia

Perjelas tanaman sawit diurus secara mampan

CANBERRA: Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok dan pegawai industri minyak sawit dan perikanan Malaysia mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan beberapa penggubal undang-undang Australia di Canberra untuk melobi menentang rang undang-undang anti minyak sawit yang boleh menjejaskan industri minyak sawit negara.

Senat Australia pada Jun lalu meluluskan Rang Undang-Undang *The Truth in Labelling - Palm Oil* yang kini bakal diusulkan ke Parlimen atau House of Representatives.

Rang Undang-Undang itu didesak oleh Senator Bebas, Nick Zenophon dengan sokongan Greens, Zoo Victoria, World Wildlife Fund dan Greenpeace.

Zenophon, dengan undian daripada Parti Gabungan Liberal-National berjaya meluluskan rang undang-undang berkenaan manakala parti pemerintah, Parti Labour menentang.

Terdahulu Zenophon berkata, beliau mahu pengguna mengetahui sama ada makanan mereka mengandungi minyak sawit yang sekarang ini dilabelkan sebagai 'minyak sayuran'.

Dompok berkata, sebelum usul itu dibawa ke House of Representative dan diluluskan sebagai undang-undang, orang ramai diberi peluang mengemukakan pandangan dan cadangan dan pihaknya akan mengemukakan pandangan dan cadangan menentang usul berkenaan.

"Kita telah menghantar wakil untuk berhujah mengenai usul itu. Selain itu saya mengarah MPOB supaya menganjurkan seminar dan bengkel di Australia bagi menjelaskan dengan lebih mendalam mengenai industri minyak sawit Malaysia," katanya.

Beliau yang bertemu Zenophon di Parlimen memberi penjelasan mengenai kebaikan dan khasiat minyak sawit sebagai bahan makanan

yang terjamin keselamatan dan orang utan dilindungi di Sabah dan Sarawak.

Beliau mempelawa Zenophon melawat Malaysia untuk mendapat sendiri maklumat mengenai perkara itu.

"Saya mempelawa Zenophon dan penggubal undang-undang berkaitan untuk datang ke Malaysia dan melihat sendiri penanaman sawit yang dilakukan secara mampan dan tidak mengancam kehidupan liar terutama orang utan."

"Saya memberi tahu mereka orang utan adalah spesies yang sangat dilindungi pada masa ini berbanding sebelumnya kerana kerajaan dan industri minyak sawit berusaha keras memastikan ia tidak pupus."

"Wildlife dan Greens memberikan banyak maklumat yang salah kepada orang awam Australia mengenai minyak sawit dan orang utan," katanya.

Dompok berkata, beliau sudah bertemu dengan beberapa menteri negeri dan persekutuan serta ahli parlimen dan mereka memahami kebimbangan Malaysia mengenai tuduhan terhadap industri yang mempunyai 570,000 pekerja dalam sektor perladangan dan 290,000 lagi dalam sektor industri hiliran.

Beliau berkata, Greens dan Wildlife sengaja mencampur aduk isu kesihatan dan alam sekitar untuk mendapat sokongan orang ramai bagi kempen menentang minyak sawit."

"Saya menjelaskan kepada Ahli Parlimen Australia dan pemimpinnya yang menyelidikan dijalankan di Amerika Syarikat, Eropah dan bahagian lain di dunia bahawa minyak sawit adalah produk yang selamat dan sihat dan mereka menerima penyelidikan yang ada," katanya.

Dompok berharap kunjungannya itu akan mencapai kejayaan dan Parlimen akan menolak rang undang-undang berkenaan.

"Kita akan berusaha bagi memastikan ia berjaya," katanya.

PIPOC 2011
International Palm Oil Congress

PALM OIL - Fortifying and Energizing the World

To be officiated by
YB Tan Sri Bernard Dompok
Minister of Plantation Industries and Commodities

15-17 November 2011
Kuala Lumpur Convention Centre
Kuala Lumpur, Malaysia

For enquiries:
Ruba'ah Masri (pipoc2011@mpob.gov.my / 603-8769 4567)
Azizah Lockman (pipoc2011@mpob.gov.my / 603-8769 4568)
Norhaliza Kasmuri (pipoc2011@mpob.gov.my / 603-8769 4570)
Solehah Abd. Bab (solehah@mpob.gov.my / 603-8769 4867)
Salmah Hussin (salmah@mpob.gov.my / 603-8769 4873)



Minda

Datuk Dr Choo Yuen May
KETUA PENGARAH MPOB

AUSTRALIA bercadang meluluskan undang-undang untuk melabel produk makanan yang mengandungi minyak sawit secara mandatori dengan mengaitkan minyak sawit dengan isu penebangan hutan dan kesan asid lemak tepu terhadap penyakit jantung koronari.

Misi lawatan ke Australia yang diketuai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi baru-baru ini, diadakan untuk menangani isu ini. Bagi isu kesan lemak tepu, perkembangan terkini mengenai lemak tepu dan kebaikan nutrisi minyak sawit dikongsi melalui dialog dan mesyuarat dengan pihak berkaitan di Australia.

Minyak sawit adalah salah satu daripada 17 minyak dan lemak utama dalam pasaran dunia. Tidak seperti minyak lain, minyak sawit unik kerana ia mengandungi jumlah asid lemak tidak tepu (terutamanya asid oleik) dan tepu (terutamanya asid palmitik) yang setara.

Minyak sawit tidak memerlukan proses penghidrogenan dalam aplikasi makanan. Oleh itu, ia dapat menghindarkan masalah pembentukan asid lemak trans yang sudah pasti memudaratkan kesihatan.

Pelbagai kajian pemakanan manusia, termasuk kajian dijalankan di Universiti Sydney, membandingkan kesan pemakanan minyak sawit olein dan minyak zaitun (kedua-duanya mengandungi asid oleik yang tinggi) membuktikan bahawa minyak sawit olein dan minyak zaitun mempunyai kesan baik yang sama terhadap paras kolesterol di dalam darah.

Secara faktanya, komposisi asid lemak (yang menentukan sama ada sesuatu minyak atau lemak adalah tepu, mono-tak-tepu atau poli-tak-tepu) tidak dapat memberi gambaran keseluruhan dengan jelas.

Kedudukan asid lemak pada trigliserida (TAG) adalah lebih penting. Kajian penyelidikan terkini termasuk kajian dilakukan MPOB menunjukkan asid lemak tepu berantai panjang yang berada di posisi 1 dan 3 akan dikumuhkan dan hanya asid lemak yang berada di posisi kedua (sn-2) diserap serta-merta ke dalam plasma darah.

Posisi kedua pada TAG minyak sawit ialah asid oleik yang mana ianya serupa dengan minyak zaitun. Oleh itu, minyak sawit adalah serupa dengan minyak zaitun dan minyak lain yang kaya dengan kandungan asid oleik dan tidak meningkatkan risiko penyakit jantung koronari.

Laporan terkini Joint WHO/FAO Expert Consultation of Fats and Fatty Acids yang diterbitkan dalam Human Nutrition (2011) mengakui bahawa kesan peningkatan jumlah kolesterol dan LDL-C daripada pemakanan minyak sayuran adalah lebih rendah berbanding lemak haiwan disebabkan oleh asid lemak di kedudukan sn-2.

Walaupun terdapat syor dicadangkan pelbagai pihak berkuasa kesihatan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk mengesahkan pengambilan lemak tepu sebagai satu cara untuk mengawal risiko CHD, kontroversi masih wujud terhadap kesahihan syor berkenaan.

Pelbagai faktor menunjukkan bahawa lemak tepu berasaskan minyak sayuran bukan punca penyakit jantung berbanding lemak tepu berasaskan haiwan. Bagaimanapun, lebih banyak penyelidikan harus dijalankan untuk memperjelaskan fungsi lemak tepu adalah bergantung kepada sumber lemak berkenaan (sayuran atau haiwan).

Mesej yang disampaikan di sini ialah minyak sawit adalah minyak sayuran yang penuh berkhasiat tanpa asid lemak trans (yang merupakan ancaman terhadap kesihatan yang sudah dikenal pasti), yang tidak diubahsuai secara genetik, mengandungi asid lemak penting dan kaya dengan asid oleik.

Ia juga adalah sumber fitonutrien yang baik termasuk tokotrienol, yang mempunyai kestabilan pengoksidaan dan sifat-sifat fungsional yang baik. – choo@mpob.gov.my

Menteri lawat CSIRO Australia

Jalin kerjasama kajian, penyelidikan berasaskan minyak sawit

Oleh Kanga Rani Selvaduray
krani@mpob.gov.my

ADELAIDE: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok membuat lawatan ke pusat penyelidikan pemakanan dan kesihatan terkemuka, Commonwealth Scientific Industrial Research Organisation (CSIRO), di Adelaide, Australia baru baru ini.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk menjalin kerjasama kajian dan penyelidikan terutama di dalam bidang pemakanan yang berasaskan minyak sawit.

CSIRO yang ditubuhkan pada 1926, merupakan agensi sains kebangsaan utama Australia yang aktif di dalam penyelidikan pemakanan dan kesihatan. Kini, CSIRO mempunyai lebih 50 cawangan di seluruh dunia.

Tan Sri Bernard Dompok dan delegasi disambut oleh Ketua CSIRO Adelaide, Dr Martin Cole telah mengadakan perbincangan dan kedua-dua pihak, CSIRO dan MPOB bersetuju untuk menjalankan kolaborasi penyelidikan di dalam bidang pemakanan termasuk pemakanan yang berasaskan minyak sawit.

Tindakan susulan melalui perbincangan secara terperinci antara kedua pihak akan dilaksanakan dalam masa terdekat untuk merealisasikan kerjasama ini.

Lawatan ke CSIRO itu dilakukan sempena lawatan kerja beliau ke Australia bagi mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pengubal undang-undang Australia di Canberra bagi melobi menentang rang undang-undang anti minyak sawit yang boleh menje-



MENTERI Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok melawat makmal penyelidikan CSIRO di Adelaide, Australia. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May.



PENGERUSI MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad bersama Datuk Alexander Nanta Linggi (dua dari kanan) semasa perbincangan dengan pegawai CSIRO di Werribee, Victoria. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (kanan).

jaskan industri sawit.

Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), M. Nagarajan, Ketua Pengarah, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB),

Datuk Dr Choo Yuen May dan pegawai kanan MPOB.

Sebelum itu, Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Choo Yuen May beserta Ahli Parlimen Kapit, Datuk Alexander

Nanta Linggi, Setiausaha Agung Persatuan Pekebun-Pekubun Kecil Kebangsaan (NASH), Zulkifli Mohd Nazim dan pegawai kanan MPOB telah membuat lawatan ke CSIRO cawangan Werribee, di Victoria bagi tujuan yang sama.

Negeri Sembilan mula guna biobahan api B5

Oleh Norsyairah Jalil
nursyairah@mpob.gov.my

SEREMBAN: Pelancaran Program B5 di Stesen Minyak Esso, Persiaran Senawang, di sini, pada 1 Ogos lalu, menandakan bermulanya penggunaan biobahan api B5 secara mandatori bagi sektor pengangkutan di Negeri Sembilan.

Pelancaran peringkat Negeri Sembilan adalah peringkat ketiga pelancaran penggunaan biobahan api B5 secara mandatori yang bermula di Putrajaya dan negeri Melaka di bawah program B5 Wilayah Tengah.

Program B5 Wilayah Tengah merangkumi Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur. Pelancaran peringkat negeri Selangor dan Kuala Lumpur akan dilaksanakan sebelum hujung tahun ini.

Majlis pelancaran peringkat Negeri Sembilan disempurnakan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Datuk Hamzah Zainudin.

Sebagai simbolik bermulanya penggunaan B5 di Negeri Sembilan, Hamzah mengisi biobahan api B5 ke dalam tangki kenderaan diikuti Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik dan Pengurusan) KPPK, Mohamed Sanuri Shahid; Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Pengurus Jualan Esso, Faridah Ali.

Mengikut pelan pelaksanaan Program B5 (adunan 5 peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum) secara mandatori di Wilayah Tengah, pelaksanaan peringkat ketiga ini membabitkan 156 stesen mi-

nyak seluruh negeri Sembilan dengan anggaran sebanyak 923 tan atau 1.1 juta liter biodiesel sawit sebulan akan digunakan.

Secara tidak langsung, hampir 13 juta liter penggunaan diesel fosil dapat dijimatkan menerusi Program B5 di negeri berkenaan dalam tempoh setahun.

Satu lawatan kerja ke Esso Terminal Port Dickson turut diadakan selepas majlis perasmian itu bagi memantau status kemajuan pembinaan kemudahan pengadunan di terminal berkenaan.

Kemudahan pengadunan secara in-line telah 75 peratus siap dipasang dan penghantaran bekalan B5 untuk kawasan Melaka dan Negeri Sembilan adalah melalui kemudahan pengadunan berkenaan yang dioperasikan secara manual.

Pengurusan Esso menjangkakan projek pembinaan kemudahan pengadunan B5 di Terminal Port Dickson akan siap sepenuhnya pada akhir bulan ini.

KPPK melalui MPOB melakukan pemantauan di stesen minyak di kawasan Melaka seperti mana dilakukan di Putrajaya.

Pemantauan akan diperluaskan di stesen minyak terpilih di kawasan Negeri Sembilan bagi memastikan kualiti B5 yang dibekalkan kepada pengguna memenuhi spesifikasi dibenarkan.

Selain itu, pengguna turut diberi jaminan bahawa subsidi akan terus diberikan bagi memastikan harga pasaran B5 tetap sama dengan diesel petroleum tulen tanpa dipengaruhi oleh turut naik harga pasaran minyak global.



MPOB terus terbit Berita Sawit bersama Berita Harian

KUALA LUMPUR: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) meneruskan penerbitan akhbar sisipan, *Berita Sawit* bagi tahun ke-11 bersama *Berita Harian* dengan memperbaharui kontrak penerbitan setahun lagi, semalam.

Majlis menandatangani kontrak penyambungan penerbitan *Berita Sawit* untuk tempoh sehingga 31 Julai 2012 itu berlangsung di Balai Berita dengan disaksikan Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad.

Pada majlis itu, MPOB diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Choo Yuen May, manakala *Berita Harian* oleh Pengarang Kumpulannya, Datuk Mior Kamarul Shahid.

Turut hadir, Timbalan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Mahfar Ali; Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo.

Dengan penyambungan kontrak itu, *Berita Harian* akan menerbitkan *Berita Sawit* pada Sabtu pertama setiap bulan.

Choo berkata, secara keseluruhannya, *Berita Sawit* yang disiarkan *Berita Harian* mendapat sambutan menggalakkan daripada pembaca di seluruh negara.

"Pembaca *Berita Sawit* membabitkan segenap lapisan masyarakat termasuk golongan profesional di bandar dan penduduk luar bandar," katanya pada majlis menandatangani kontrak perjanjian itu.

Beliau berkata, berdasarkan 1,475 soal selidik yang diterima menunjukkan pembaca utama *Berita Sawit* ialah pekebun kecil, peneroka dan diikuti industri, usahawan, kakitangan sektor awam, ahli akademik, penyelidik, penyarah, pelajar dan orang awam.

"Bagi meningkatkan minat pembaca terhadap *Berita Sawit*, kualiti penulisan *Berita Sawit* perlu dipertingkatkan dengan berita atau artikel berkualiti, tepat dan segar untuk pembaca pelbagai latar belakang dan pendidikan.

"Justeru, bimbingan dan latihan daripada editorial *Berita Harian* amat penting bagi melatih penulis MPOB untuk terus meningkatkan kualiti penulisan berita dan rencana," katanya.

Sementara itu, Mior Kamarul Shahid berkata, sebagai industri komoditi utama yang menjana pendapatan kepada negara dan meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk terutama pekebun kecil, penyebaran maklumat terkini menerusi *Berita Sawit* adalah penting bagi industri untuk terus berdaya saing.

"MPOB selaku institusi penyelidikan utama berkaitan sawit banyak menghasilkan inovasi, teknologi dan produk baru yang dilakukan kumpulan penyelidikannya yang wajar dihebahkan melalui *Berita Sawit*," katanya.



DATUK Dr Choo Yuen May bersama Duta Negara Kesatuan Eropah, Vincent Picket (tiga dari kiri) semasa lawatan ke MPOB baru-baru ini.

Duta Negara Kesatuan Eropah kunjungi Ketua Pengarah MPOB

Dua pihak bertukar pandangan isu perkembangan industri sawit

DUTA Negara Kesatuan Eropah, Vincent Picket mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.

Kunjungan Picket ke MPOB adalah untuk bertukar pandangan mengenai perkembangan industri sawit termasuk langkah Malaysia untuk melaksanakan pensijilan minyak sawit mampan.

Datuk Dr Choo menjelaskan MPOB sedang mengadakan rundingan dan interaksi dengan pihak industri untuk merangka sistem Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia. Ini masih pada peringkat awal.

"MPOB sedang mengumpul maklumat balas daripada pihak industri



MPOB sedang mengadakan rundingan dan interaksi dengan pihak industri untuk merangka sistem Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia. Ini masih pada peringkat awal

Datuk Dr Choo Yuen May
Ketua Pengarah MPOB

mengenai pelaksanaan pensijilan minyak sawit mampan yang lebih menyeluruh meliputi aspek jaminan keselamatan produk makanan".

Dalam pertemuan itu, Datuk Dr Choo turut membangkitkan isu pelabelan minyak sawit dalam produk makanan yang berlaku di Australia. Peraturan yang hanya mewajibkan pelabelan minyak sawit dalam produk makanan adalah satu bentuk diskriminasi dan halangan perdagangan terhadap minyak sawit.

Picket menegaskan pelabelan minyak sayuran dalam produk makanan di Eropah melibatkan semua jenis minyak sayuran termasuk minyak sawit bagi memberi maklumat kandungan produk yang mem-

punyai nilai pemakanan kepada pengguna.

Datuk Dr Choo mengambil peluang kunjungan Picket dengan mempelawa menyertai persidangan yang akan dianjurkan oleh MPOB pada bulan Oktober dan November 2011.

International Conference on Oil Palm and Environment diadakan pada 28 hingga 29 Oktober sempena MICCOS 2011 manakala 'Palm Oil International Congress' (PIPOC 2011) pada 15 hingga 17 November 2011.

Turut serta dalam pertemuan berkenaan ialah Dr Lim Weng Soon, Pengarah Kejuruteraan dan Pemprosesan dan Dr N.Kalaniti, Pengarah Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat Teknikal, MPOB.

Rang undang-undang label minyak sawit bercanggah WTO

JIKA langkah melabelkan minyak sawit pada semua produk makanan dipasarkan di Australia dikuatkuasakan, ia akan memberi kesan negatif terhadap perdagangan.

Import keseluruhan produk makanan akan terjejas kerana kandungan minyak sawit di dalam produk ini tidak dilabelkan secara terperinci seperti disarankan di dalam rang undang-undang Ketelusan Penglabelan - Minyak Sawit Australia.

Pengilang tempatan perlu mempunyai label baru dan khusus untuk digunakan pada bila-bila masa sekiranya sesuatu produk yang mereka import mengandungi minyak sawit. Ini akan menjadi satu beban yang merugikan kepada mereka.

Satu alasan untuk mewajarkan penguatkuasaan rang undang-undang Ketelusan Penglabelan - Minyak Sawit ini adalah supaya pengguna dapat mengetahui kehadiran minyak sawit yang mempunyai 50

peratus asid lemak tepu di dalam produk makanan yang mereka ingin beli; walaupun jumlah keseluruhan kandungan asid lemak tepu di dalam produk-produk itu sudah dilabelkan di dalam panel makanan.

Jika minyak isirung sawit atau minyak kelapa yang mempunyai kandungan asid lemak tepu lebih tinggi (lebih 90 peratus) digunakan, pelabelan yang berasing seperti dikenakan ke atas minyak sawit tidak diperlukan.

Malah, label 'minyak sayur-sayuran' yang sedia ada boleh terus digunakan. Langkah ini jelas menunjukkan penyalahgunaan undang-undang pelabelan untuk mendiskriminasi minyak sawit serta melanggar peruntukan perdagangan di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Sekiranya ini terjadi, Malaysia dan Indonesia mempunyai asas kukuh untuk membuat aduan kepada WTO mengenai layanan berbeza Australia ke atas minyak sawit me-

lalui undang-undang pelabelan ini.

Rang undang-undang itu juga menunjukkan bahawa produk berasal dari tanah pertanian sah yang sebelum ini berhutan mesti dilabelkan untuk memaklumkan pengguna mengenai kesan terhadap alam sekitar seperti penebangan hutan dan bilangan haiwan ikonik seperti orang utan.

Beruang koala dan burung kasawari juga haiwan ikonik yang pernah hidup berkeliaran di tanah berhutan di Australia.

Hutan ini diterokai dan dijadikan padang ragut untuk biri-biri dan lembu atau ladang tebu. Pengguna di Malaysia dan Indonesia juga ingin tahu produk daging lembu, biri-biri dan gula yang manakah berasal dari tanah yang dahulunya dihuni oleh beruang koala dan burung kasawari.

Produk ini juga perlu dilabel seperti dikenakan ke atas minyak sawit agar hak pengguna untuk mengetahui dapat dihormati tidak

kira di mana mereka berada.

Jika Malaysia dan Indonesia mengambil tindakan serupa melalui pengenalan undang-undang baru ke atas pelabelan barangan komoditi utama Australia seperti daging biri-biri dan lembu, kancah permainan menyekat perdagangan akan menjadi tidak terurus, dan kemungkinan besar industri mencetak label untuk produk makanan akan menjadi perniagaan terbaru yang amat menguntungkan di Malaysia dan Indonesia untuk menggantikan pendapatan akibat kemerosotan eksport barangan makanan yang mengandungi minyak sawit minyak ke Australia.

(Artikel ini disunting dan diterjemahkan dari artikel asal yang bertajuk, Australian Labeling Bill on Palm Oil Against WTO Provisions. Sila layari www.ceopalmoil.com untuk mendapatkan salinan asal artikel ini)



MPOB anjur kursus kendali makmal

Program tingkat pengetahuan, kemahiran analisis sampel minyak sawit

Oleh Azizah Lockman
azizah@mpob.gov.my

BANGI: MPOB baru-baru ini, menganjurkan Kursus Pengendali Makmal kepada penyelia dan pembantu makmal kilang sawit bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menganalisis sampel minyak sawit dan air sisa buangan sawit kilang kelapa sawit.

Perasmian kursus disempurnakan Pengarah Bahagian Penyelidikan Kejuruteraan dan Pemprosesan MPOB, Dr Lim Weng Soon diwakili oleh Ketua Unit Pengilangan dan Pemprosesan, Zulkifli Abd Rahman.

Seramai 32 peserta dari 23 syarikat pengilangan terbahit dalam industri sawit menyertai kursus ini.

Peserta didedahkan dengan ka-



PESERTA Kursus Pengendali Makmal Kilang Sawit bergambar selepas majlis perasmian kursus.

edah pengambilan dan penganalisaan sampel serta cara membuat laporan yang betul dan tepat.

Peserta juga didedahkan mengenai pengendalian makmal yang sistematik serta cara untuk menganalisa air sisa buangan di kilang sawit bagi memastikan efluen kilang dapat diuruskan dengan sempurna.

Pengetahuan dan kemahiran berhubung aspek ini sangat penting

supaya loji efluen yang dikendalikan kilang dapat beroperasi dengan cekap dan mematuhi parameter ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar.

Kilang sawit yang memproses buah dan minyak sawit bukan saja menghasilkan produk untuk dijadikan makanan dan bukan makanan, malah turut menghasilkan sisa buangan atau efluen yang perlu

diuruskan dengan baik.

Sisa efluen yang tidak diuruskan dengan baik dan dibiarkan berturan akan menjadi punca pencemaran alam sekitar yang membahayakan kehidupan dan turut memusnahkan habitat serta sistem biodiversiti dan hidupan liar.

Sebagai negara pengeksport utama minyak sawit di pasaran dunia, industri sawit perlu memastikan ama-

lah pengeluaran minyak sawit dilaksanakan secara mampan dan menghasilkan minyak sawit selamat.

Kilang sawit perlu memastikan kakitangan di semua peringkat termasuk penyelia dan pembantu makmal mempunyai pengetahuan dan kemahiran mencukupi bagi memastikan penghasilan minyak sawit mampan (Sustainable palm oil) seperti diperlukan pasaran.

SKIM TANAM SEMULA SAWIT PEKEBUN KECIL (TSSPK)

(Projek EPP1 di bawah NKEA)



Jangan Berleagak Lagi....!

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia
- Pekebun kecil sawit persendirian dengan jumlah keluasan pemilikan tanah maksimum 40.46 hektar (100 ekar).
- Mempunyai lesen MPOB
- Tanaman sawit berumur melebihi 25 tahun atau yang tidak produktif.
- Boleh memohon secara individu atau berkelompok.
- Had maksimum bantuan 40.46 hektar

BANTUAN PENYELENGGARAAN KEBUN (BPK)

BPK sebanyak RM500/bulan akan diberi selama dua tahun kepada pemohon yang lulus dan memenuhi syarat seperti berikut:

- Pekebun kecil sawit sepenuh masa
- Mempunyai pemilikan tanah sawit tidak lebih daripada 2.5 ha secara agregat.
- Bergantung hidup daripada hasil pokok yang akan ditanam semula dan tiada sumber pendapatan tetap yang lain.
- Satu pemohon sahaja layak jika ada penama lain dalam satu geran.
- Layak sekali sepanjang tempoh skim

KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM

- Pemohon boleh memilih salah satu kaedah pelaksanaan seperti di bawah:
- Pekebun menguruskan sendiri semua kerja berkaitan penyediaan tapak dan membeli anak benih daripada pembekal yang ditentukan oleh MPOB dan input pertanian dari pembekal yang terpilih dan menuntut bayaran daripada MPOB dengan mengemukakan resi/surat akuan bersaksi.
- Pekebun boleh menyerahkan urusan penyediaan tanam semula, menanam dan membekal input pertanian kepada kontraktor yang dilantik oleh MPOB.
- Pelaksanaan adalah secara individu dan kelompok.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

- Amran Ariffin (Tel: 089-897 106/013-555 0908-Sabah)
- Mohd Arfan Johari (Tel: 083-436 122/013-8333 22-Sarawak)



Terbuka kepada semua pekebun kecil sawit persendirian
Tempoh skim : Februari - Disember 2011

Tanah peluntur hasil baja bio organik

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my


BANGI: Sisa buangan kilang penapis minyak sawit, tanah peluntur terpakai atau 'spent bleaching earth' (SBE) berupaya menghasilkan baja bio yang menyuburkan tanah dan menggalakkan pertumbuhan tanaman.

Tanah peluntur digunakan kilang penapis minyak sawit sebagai bahan menghilangkan dan menyahkan bahan asing daripada minyak sawit mentah ketika pemerosesan seperti warna, phospholipids dan sisa-sisa gums.

Pegawai Penyelidik Kanan, Dr Loh Soh Kheng yang mengetuai sekumpulan penyelidik terdiri dari Stephen James dan Muzzamil Ngatiman melakukan kajian ke atas potensi penggunaan tanah peluntur dan membawa kejayaan menghasilkan baja bio organik untuk tanaman.

Loh berkata, sejumlah 240,000 tan tanah peluntur terpakai yang merupakan sisa buangan kilang penapis minyak dihasilkan pada setiap tahun oleh 59 kilang penapis di seluruh negara pada masa ini.

"Sisa buangan tanah peluntur ini selalunya, selepas melalui proses rawatan dibuang ke landfill, bukan saja menyebabkan berlakunya pencemaran alam sekitar ma-



Dr Loh Soh Kheng bersama baja bio organik yang dihasilkan dari sisa tanah peluntur kilang penapis minyak sawit melalui kerjasama dengan syarikat MPV Technologies Sdn. Bhd.

lah berkemungkinan juga melepaskan gas rumah hijau yang merbahaya," katanya.

Tanah peluntur terpakai adalah buangan industri yang mencemarkan termasuk pencemaran ke atas sumber air kerana pembuangan sedemikian sering dikaitkan dengan degradasi sisa minyak di dalamnya.

Katanya, melihat kepada potensi penggunaan itu, MPOB menjalin kerjasama dengan syarikat MPV Technologies Sdn Bhd bagi membangun teknologi penghasilan baja bio organik daripada sisa buangan tanah peluntur dan sisa buangan pertanian lain termasuk sisa biojisim sawit.

Melalui kerjasama itu, sisa buangan tanah peluntur dari kilang penapis minyak sawit diproses dan dikompos dengan sisa keluaran pertanian lain berjaya menghasilkan Baja Bio Organik TKJ.

Baja bio Organik TKJ yang mengandungi unsur nutrien N:2.5, P:3.3, K:2.4, Mg:2.0, pH:6.5 dan Unsur Organik:29.7 didapati berkesan menyuburkan tanah dan menggalakkan pertumbuhan akar dan tanaman.

Hasil kajian juga menunjukkan penggunaan baja bio ini berupaya meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil tanaman.

Persidangan tokotrienol menggalakkan

Bentang hasil penemuan kajian bagi pencegahan penyakit kronik

Oleh Rosidah Radzian
rosidah@mpob.gov.my

LAS VEGAS: Persidangan Antarabangsa Tokotrienol dan Penyakit Kronik Kali Kedua yang dianjurkan Pejabat Wilayah MPOB, Amerika Syarikat dengan kerjasama Ibu Pejabat MPOB, di sini, baru baru ini, mendapat sambutan amat menggalakkan.

Tujuan persidangan adalah bagi mempromosi tokotrienol minyak sawit dan membentangkan kebaikannya penemuan kajian bagi pencegahan penyakit kronik seperti kanser usus, kanser prostat, kanser payudara, penyakit kardiovaskular, penyakit saraf dan inflamasi.

Persidangan dua hari itu berlangsung di Hotel Wynn. Seramai 31 penceramah dari 5 negara termasuk Malaysia, AS, Korea Selatan, Itali dan Turki membentangkan hasil kajian berhubung tokotrienol. 75 peserta menyertai persidangan ini.

Saintis dan Penyelidik MPOB juga turut membentangkan kertas kerja termasuk Dr Kalanithi Nesaretan, Dr Fu Ju Yen, Dr Harrison Lau Lik Nang dan Puan Zaizuhana Shahrim.

Persidangan itu adalah usaha

MPOB membantu industri sawit Malaysia mempromosikan tokotrienol berasaskan sawit di pasaran AS.

Syarikat Malaysia seperti ICOF (M) Sdn Bhd, SuperVitamins Sdn Bhd, Carotino Sdn Bhd, Mawang Sdn Bhd, Palm Nutraceuticals Sdn Bhd, Hovid Berhad dan Davos Life Science Pte Ltd (anak syarikat Kumpulan KLK) dari Singapura turut menyertai persidangan ini.

Persidangan 2 hari itu dibahagikan kepada 4 sesi yang membincangkan tajuk berhubung kait dengan Clinical Trials, Mechanistic Insight and Method of Analysis, Role of Tocotrienols in Disease Prevention and Tocotrienols From Laboratory to the Market.

Antara saintis terkemuka membentangkan kertas kerja adalah Dr Chandan Sen (AS), Dr Bharat Aggarwal (AS), Dr Francesco Galli (Itali), Dr Ki Baik Halm (Korea Selatan), Dr Nesrin Kartal Ozer (Turki) dan Prof Yuen Ka Hay (Malaysia).

Persidangan turut membincangkan langkah perlu dilaksanakan bagi menjamin kejayaan proses pengkomersialan tokotrienol di AS.

John Low daripada PEMANDU yang membentangkan kertas kerja bertajuk *Palm Oil: National Fo-*



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Persidangan Tokotrienol dan Penyakit Kronik di Las Vegas, Nevada, AS.

cus menjelaskan kepentingan produk berasaskan tokotrienol sawit sebagai penjana pendapatan kepada industri dan ekonomi negara.

Beliau berkata, di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) yang menjadi teras kepada Program Transformasi Ekonomi (ETP), 12 sektor industri dipilih Kerajaan Malaysia sebagai penjana pertumbuhan penting termasuklah industri minyak sawit.

Di bawah NKEA, industri sawit disasar menjana Pendapatan Kasar Negara sebanyak RM178 bilion menjelang tahun 2020 berbanding RM52.7 bilion pada tahun 2009.

10 kilang sawit, 23 estet dapat sijil CoP

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

BANGI: Sepuluh kilang minyak sawit dan 23 ladang sawit dianugerahkan sijil Kod Amalan Baik MPOB (CoP) dan jumlah itu dijangka akan terus meningkat pada akhir tahun ini.

Ketua Unit Keselamatan Makanan & Pensijilan Kod Amalan, Dr Ainie Kuntom, berkata demikian sewaktu membentangkan kertas kerja bertajuk 'Kod Amalan Baik MPOB' sempena Seminar CoPN Menjamin Pengeluaran Anak Benih Sawit Berkualiti di Ibu Pejabat MPOB, di sini, baru baru ini.

Setakat ini MPOB membangunkan tujuh CoP bertujuan menjamin kualiti dan keselamatan makanan serta kemampanan industri sawit.

"CoP juga digunapakai sebagai garis panduan menjamin kualiti dan keselamatan makanan di semua rantaian bekalan minyak sawit serta garis panduan mencapai kod dan piawai mampan yang diperlukan untuk melindungi alam sekitar, sosial dan keuntungan.

"Tujuh CoP yang dibangunkan MPOB setakat ini adalah CoP untuk tapak semaian, ladang dan pekebun kecil, kilang minyak sawit, kilang pelumat isirung sawit dan kilang penapis minyak sawit.

"Selain itu CoP untuk pengendalian, mengangkut dan menyimpan produk sawit dan CoP untuk ins-



Setakat ini MPOB membangunkan tujuh Kod Amalan Baik MPOB bertujuan menjamin kualiti dan keselamatan makanan serta kemampanan industri sawit

Dr Ainie Kuntom
Ketua Unit Keselamatan Makanan



tolasi pukal bagi minyak dan isirung sawit serta produk keluaran berasaskan sawit juga dibangunkan," katanya.

Dr Ainie berkata, CoP bukan undang-undang, tetapi piawai atau garis panduan untuk semua sektor industri sawit yang terbabit perlu mematuhi, melainkan jika terdapat alternatif berupaya menghasilkan produk berpiawai sama atau lebih baik daripada disasarkan CoP.

"CoP disedia dan dibangunkan melalui perundingan dengan pelbagai sektor di dalam rantaian pengeluaran minyak sawit dan pengenalan kepada industri melalui 'road show' ke seluruh negara mulai tahun 2008," katanya.

CoP menggariskan kod amalan dan komitmen pengeluar minyak sawit bagi meyakinkan pembeli dan pengguna bahawa komoditi ini dihasilkan me-

lalui amalan mampan dan pada masa sama turut mematuhi keperluan perundangan lain seperti Akta Makanan, Akta Alam Sekitar, Piawai Malaysia dan lain lain berkaitan.

Beliau berkata, di pasaran global minyak sawit sentiasa tertakluk kepada parameter baru yang diperkenalkan negara pengimport dan untuk mengekalkan persaingan dan akses kepada pasaran, minyak sawit perlu mematuhi peraturan dan undang-undang makanan (food Laws) negara pengimport.

Katanya, pelaksanaan CoP mempunyai elemen kualiti dan keselamatan makanan ini dapat membantu industri menghasilkan minyak sawit melalui pematuhan peraturan undang-undang makanan dan keselamatan, sekali gus diiktiraf negara pengimport.

MASUK PERCUMA

ICCOS
MALAYSIA INTERNATIONAL 2011
COMMODITY CONFERENCE & SHOWCASE

Pameran dan Persidangan Komoditi Antarabangsa Malaysia (MICCOS) adalah acara perdana yang dianjurkan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Acara dwi tahunan ini akan menemukan para pengiat industri utama dalam sektor komoditi negara.

Dengan tema "Menjana Kekayaan Melalui Inovasi", MICCOS 2011 akan mempamerkan pelbagai produk terkini di samping pembangunan teknologi dan inovasi dalam bidang komoditi negara.

Para pengunjung berpeluang untuk mempelajari sejarah perkembangan industri komoditi yang telah menjadi salah satu tonggak utama ekonomi Negara. Selain daripada itu, pengunjung juga akan dapat meneroka peluang-peluang perniagaan baru di dalam industri komoditi ke arah mencapai status Negara Berpendapatan Tinggi.

KOMODITI UTAMA NEGARA
SAWIT • GETAH • KAYU KAYAN • KOKO • LADA
SAGO • TEMBAKAU • KENAF

28-30 OKTOBER 2011
10.00 pagi – 6.00 petang
Taman Ekspo Pertanian Malaysia
Serdang (MAEPS)

AKTIVITI MICCOS 2011

- PAMERAN KOMODITI • SEMINAR
- TAKLIMAT PEKEBUN KECIL • BUSINESS MATCHING
- TEMUDUGA TERBUKA • SUDUT KERJAYA
- JUALAN INDUSTRI KECIL SEDERHANA (JKS)
- JUALAN MAKANAN • PERADUAN DAN PERTANDINGAN

Kunjungi MICCOS 2011 dan jumpa anda disana!

ANJURAN
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

DENGAN KERJASAMA

PLASMA Keratong sasar 300 pekerja ladang mahir setahun

Pusat latihan sedia pengajian penggunaan mekanisasi kejenteraan, suntik semangat bekerja golongan belia majukan pertanian

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
siti.nurazlinee@harian.com.my

BEKERJA di ladang bukan lagi pekerjaan kampung yang dianggap "biasa-biasa" oleh seketengah masyarakat kerana setiap tugasan di ladang khususnya memabitkan tanaman sawit, bukan saja memerlukan tenaga dan kecekapan tulang empot kerat malah pekerja harus tahu sokok-belok penggunaan peralatan mesin termasuk fungsi enjin berdasarkan ilmu akademik dan kemahiran.

Selubungan itu, MPOB mewujudkan pusat latihan kemahiran bagi menyuntik semangat bekerja terutama kepada golongan belia untuk bersama memajukan industri pertanian bagi sektor perladangan kelapa sawit negara.

Dengan wujudnya Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) di Keratong, Pahang, yang juga pusat latihan kedua dibangunkan MPOB selepas PLASMA Labad Datu, Sabah, akan menjadi salah satu institusi latihan bagi melahirkan lebih ramai pekerja mahir terutama dalam penggunaan mekanisasi kejenteraan di ladang.

PLASMA Keratong, projek di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) yang dilaksanakan MPOB di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dengan peruntukan sebanyak RM36 juta itu mempunyai matlamat tersendiri dalam bidang industri sawit Malaysia antaranya, meningkatkan keupayaan dari sudut latihan, kemahiran dan pengetahuan berhubung perjalanan operasi ladang sawit.

PLASMA Keratong yang juga cawangan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), dijadikan tempat belajar untuk menyediakan pekerja ladang yang cekap di semua sektor perladangan sawit termasuk di tapak semaian, perladangan, pengilangan dan pemrosesan dan ia seeras pencapaian MPOB hari ini khususnya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan industri sawit.

Justeru, ia dijadikan kampus induk untuk Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) dalam menyediakan pelbagai bentuk program latihan bagi melatih tenaga kerja tempatan supaya lebih pantas dan cekap menguruskan pekerjaan di ladang sekali gus dapat mengurangkan ketergantungan kepada pekerja asing.

Pusat latihan PLASMA Keratong yang dirasmikan pada 26 April lalu oleh Menteri KPPK, Tan Sri Bernard Dompok, meliputi blok pentadbiran, blok akademik, dewan serba guna, blok penginapan pelatih, kafeteria dan kedai, blok mekanisasi, stor mesin dan peralatan, kuarters kakitangan dan surau.

Pengurus PLASMA Keratong, Mohd Solah Deraman, ketika ditemui berkata, KOML kini semakin diterima golongan muda yang berminat untuk berkecimpung dalam sektor perladangan malah dengan mengikuti kursus berkenaan peluang pekerjaan mereka terjamin.

"Program latihan KOML sebelum ini dijalankan di kampus sementara di Pusat Penjenteraan Ladang MPOB, Bangi, bermula tahun 2006 lagi. Pada permulaan pengambilan pertama pengajian, penyerahan pelatih hanya lapan orang dan kini pengambilan pelatih terus meningkat dan selepas sepuluh sesi, seramai 320 pelatih menamatkan pengajian masing-masing



DATO' HAMZAH melawat bengkel pelatih KOML di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) Keratong.



Modul pembelajaran yang diguna mengikut National Occupational Skill Standard dan turut diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia bagi mengendalikan latihan kemahiran kepada pelatih manakala mereka yang lulus akan menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

Mohd Solah Deraman
Pengurus PLASMA Keratong

dan semua mereka kini sudah bekerja di sebahagian besarnya bekerja di sektor perladangan sawit.

"Sementara itu di penempatan baru ini, kumpulan pertama bagi pengambilan ke-11, seramai 120 pelatih diambil untuk menjalani kursus KOML bagi sesi September depan. Pada awalnya seramai 400 orang memohon tetapi pihak kami perlu mengurangkannya memandangkan tempat tinggal terhad. Disebabkan itu, pihak pengurusan menambah satu katil bagi setiap bilik (60 bilik) dan ini membolehkan pengambilan pelatih untuk sesi berikutnya menjangkau sehingga 180 orang," katanya.

Katanya, pihaknya meletakkan sasaran melatih dan melahirkan 300 pekerja mahir setiap tahun dan akan melengkapkan segala kemudahan untuk tujuan itu.

Beliau berkata, modul pembelajaran yang diguna mengikut National Occupational Skill Standard dan turut diiktiraf Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia bagi mengendalikan latihan kemahiran kepada pelatih manakala mereka yang lulus akan menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

"Selain itu, MPOB adalah satu-satunya badan berkanun yang menjalankan ujian pemantauan yang diselia penuh Jabatan Pengangkutan Dalam, jadi setiap pelatih diwajibkan mengambil lesen F dan H untuk pemanduan traktor dan jengkaut. Pelatih

juga akan didedahkan dengan pelbagai jenis kenderaan di ladang termasuk mengetahui kepelbagaian enjin selain mempelajari semua aktiviti mekanisasi ladang.

"Kursus ini mempunyai tiga tahap pengajian seperti diperuntukkan SKM iaitu Tahap Pertama, Kedua dan Ketiga yang mana setiap tahap itu mengambil masa lima bulan pengajian dengan yuran sebanyak RM3,500 yang dibiayai MPOB malah pelatih juga diberi wang saku sebanyak RM150 setiap bulan," katanya.

Mohd Solah berkata, pusat latihan itu turut menyediakan tenaga pengajar berpengalaman dan berpengalaman luas dalam bidang perladangan supaya modul pengajian yang disiapkan sejajar keperluan industri yang kini mementingkan keperluan kendalian kerja dilakukan.

"Tambah beliau, selain menjalani kursus utama iaitu KOML, PLASMA Keratong turut dijadikan sebagai tempat untuk MPOB menganjurkan seminar, latihan dan kursus kepada pekebun kecil dan ia adalah antara pendekatan tepat yang dilakukan MPOB bagi mendedahkan lebih meluas mengenai teknologi moden kepada peserta.

"Saya pasti dengan adanya seminar atau apa saja bentuk kursus bersama peserta yang terdiri daripada pekebun kecil, sedikit-tidaknya mereka dapat pengetahuan baru dan menambah baik kemahiran yang sedia ada bagi meningkatkan produktiviti hasil sawit.

"Lagipun kemajuan sektor pekebun kecil termasuk yang mengusahakan tanaman sawit sentiasa diberi perhatian terutama dalam memastikan peningkatan pendidikan dan taraf hidup penduduk luar bandar. Jadi mereka perlu diberikan pendedahan berhubung amalan pertanian yang betul dan baik yang meliputi benih sawit berkualiti, penjagaan kebun dan cara penuliharaan optimum," katanya.



PEGAWAI dan kakitangan yang mengurus pentadbiran Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), Keratong bersama Pengurusnya, Mohd Solah Deraman (Tengah, barisan depan).



BANGUNAN PLASMA yang baru siap digunakan sejak bulan April 2011.

TAWARAN HEBAT

TUNGGU APA LAGI ?!
SIAPA CEPAT DIA
DAPAT

JIMAT
RM1000!!!!
Untuk setiap unit pembelian
Pemotong Sawit Bermotor
(Cantas™)

KEGUNAAN CANTAS™
Untuk memuat tandor dan memotong pepohon sawit serta berlaku untuk kawasan memotong kawasan penanaman.

KEBAIKAN CANTAS™

- Pantas** - mempunyai tenaga yang cogan, dipaparkan untuk lebih banyak tandor sawit dan lebih melambatkan kerja kerja lain sawit.
- Jimat Tenaga** - tidak memerlukan dan dapat memotongkan masa bekerja.
- Mudah** - mampu dihandalkan oleh wanita dan orang muda.
- Bergaya** - lebih menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit.
- Meningkatkan produktiviti penanaman.
- Meningkatkan produktiviti hasil yang mengumpul upah penanaman.
- Bekal menjadi komoditi mengumpul upah manual di ladang orang lain.

SIAPA YANG LAYAK?

- Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap.
- Bagi pelabur kecil/penanaman yang memuat bekul tandor, minimum keluasan penanaman adalah 2 ha.
- Bagi pematu penanaman/penjaja/pekebun yang memiliki keluasan penanaman di ladang sawit tidak melebihi 20 ha/2000000 liter/2000000 liter sawit yang dimiliki oleh tidak kurang 10 pekebun kecil atau keluasan yang membolehkan bergantung kepada peralihan, lokasi dan topografi atau lain-lain sebab yang dipaparkan oleh MPOB. Bagi yang memuat tandor sawit/pekebun sawit, jumlah keluasan minimum adalah 50 ha @ 1 unit Cantas™.
- Lah-lai yang dilulus mempunyai lesen MPOB (berkuat kuasa mutakhir kesetiaan).

SADAMANA MEMOHON?
Permohonan melalui Borang boleh dibuat melalui Pegawai TUNAS di kawasan anda.

UNTUK KETIRAHGAN LAMPAU, SILA HUBUNGI:

- Shahyia Mohd Isahak tel: 03-8769 4549/
- Siti Zulailha Md Zali tel: 03-8769 4252/
- Fax: 03-8725 9446
- atau laman www.mpo.gov.my

FAKTA NOMBOR

RM3,500

yuran

pengajian selama lima bulan dibiayai MPOB



Tandan sawit hasilkan bahan bakar

Briquette berpotensi sumber tenaga diperbaharui dalam bentuk pepejal

Oleh Habsah Dinin
each@bharian.com.my

SATU lagi kejayaan penyelidikan usaha sama MPOB dengan pihak industri yang berjaya dikomersialkan ialah penghasilan bahan bakar 'briquette' daripada tandan buah kosong dan tempurung sawit atau biojisim sawit.

Penyelidik Kanan MPOB, Nasrin Abu Bakar, 31, anak kelahiran Merlimau, Melaka, mengetuai kajian awal R&D bersama rakan industri bagi pengeluaran bahan bakar briquette secara komersial sejak awal tahun ini.

Dan kini MPOB dan rakan industri, Global Green Synergy Sdn Bhd (GGS) sedang bekerjasama bagi pengeluaran bahan bakar 'briquette' sawit berskala komersial.

Nasrin berkata, kejayaan pengkomersialan bahan bakar briquette dari bahan biojisim sawit sekali gus memperluaskan potensi pengguna-

an biojisim sawit sebagai sumber tenaga diperbaharui dalam bentuk bahan bakar pepejal yang seragam dan berketumpatan tinggi.

Menurutnya, proses ini juga berpotensi untuk meningkatkan nilai tenaga dan proses pembakaran yang baik serta memudahkan proses penyimpanan dan logistik. Ciri ciri ini secara tidak langsung meningkatkan nilai komersial briquette sawit bagi pasaran tempatan dan luar negara.

Briquette sawit berbentuk silinder berdiameter 9 sentimeter dihasilkan melalui proses pemampatan sisa gentian tandan buah kosong dan tempurung sawit pada suhu dan tekanan tinggi menggunakan teknologi penekan piston (piston press).

Secara umumnya briquette sawit yang dihasilkan mempunyai ketumpatan sekitar 1200-1300kg/m³ serta nilai tenaga di antara 4,000 hingga 4,500 kCal/kg.



DARI kiri, Penyelidik MPOB, Nasrin Abu Bakar bersama Pengarah dan Ahli Lembaga Pengarah Global Green Synergy Sdn Bhd, Joseph Lim, Ngan Teng Ye dan Ngan Teng Han semasa di gerai pameran bahan bakar.

"Buat pertama kalinya, bahan bakar briquette berasaskan biojisim sawit dihasilkan secara komersial untuk pasaran luar negara dan beberapa syarikat tempatan yang berminat," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Katanya, MPOB sebelum ini memang sudah membuat penyelidikan mengenai penghasilan bahan bakar briquette sawit sejak tahun 2004 dan hasil kajian itu digunakan untuk kajian lanjut bersama pihak industri, GGS yang berminat untuk menjalankan penyelidikan secara komersial hasil perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani.

"Hasilnya, MPOB dan GGS berjaya menghasilkan bahan bakar briquette sawit yang mampu menjadi bahan bakar alternatif kepada penggunaan arang batu seperti biasa digunakan di loji penjanaan kuasa dan pendandang stim," katanya.

Tambahnya lagi, kejayaan ini berkat komitmen jitu GGS serta galakan dan kerjasama di antara penyelidik dan kakitangan di Bahagian Kejuruteraan dan Pemprosesan MPOB. Ini juga membuktikan kerjasama MPOB dan pihak industri sawit mampu menghasilkan teknologi dan produk yang mempunyai nilai komersial.

Pengarah Urusan GGS, Joseph Lim, berkata bahan bakar briquette sawit ini sudah dihantar untuk ujian penggunaannya di Texas, Amerika Syarikat, Poland, China dan United Kingdom.

"Ada juga beberapa syarikat tempatan yang berminat dan sedang menguji penggunaan bahan bakar briquette menggantikan arang batu.

"Selain bersifat mesra alam dan menyumbang kepada tenaga hijau dunia serta pengurangan pelepasan gas rumah hijau, briquette sawit dijual pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran arang batu dunia iaitu kurang daripada AS\$60 satu tan," katanya.

Beliau memberitahu, selepas memulakan pengeluaran secara percubaan dan berskala kecil selama enam bulan, kapasiti loji pengeluaran ditingkatkan kepada 600 tan metrik sebulan. Kapasiti dijangka ditingkatkan lagi kepada 20,000 tan metrik sebulan pada penghujung tahun ini, tambahnya.

Loji pengeluaran komersial briquette sawit terletak di kilang kelapa sawit di Bidor, Perak milik Ngan & Ngan Holdings Sdn Bhd.

Menurut Joseph lagi, pengoperasian loji komersial briquette sawit di kilang kelapa sawit adalah

lebih ekonomikal dan amat strategik di mana bahan mentah biojisim sawit dan tenaga pengoperasian loji daripada sumber biogas dan loji dwi tenaga dapat diperoleh terus daripada kilang kelapa sawit berkenaan.

"Ia sangat menjimatkan penguasaan kilang. Lagipun kilang yang menggunakan bahan bakar briquette sama ada untuk loji penjanaan dwi tenaga mahupun menggantikan arang batu berhak mendapat keuntungan sampingan dengan penjualan pengurangan gas rumah hijau ataupun kredit karbon kepada negara maju melalui Mekanisma Pembangunan Bersih (CDM).

"Antara syarikat tempatan yang sedang menguji penggunaan briquette sawit ini termasuklah kilang pengeluar sarung tangan, simen dan pengeluar makanan," ujarnya.

Nasrin menambah, CDM adalah satu skim di bawah Protokol Kyoto yang membantu negara membangun mencapai pembangunan mampan melalui penjualan pengurangan gas pelepasan yang diperakui.

Industri sawit negara adalah di antara industri yang sangat berpotensi untuk merebut peluang ditawarkan melalui aktiviti CDM selain membantu industri ke arah pembangunan mampan dan lebih mesra alam.

"Penggunaan bahan bakar biojisim sawit terutamanya buah tandan kosong (EFB) dan tempurung sawit antara projek di bawah aktiviti CDM yang berpotensi bagi industri sawit.

"Tiga lagi projek ialah pemerangkapan metana dan penggunaan sisa kumbahan untuk penjanaan tenaga; pengkomposan menggunakan effluen dan EFB; serta biodiesel dari minyak sawit," tambahnya.

Kejayaan kerjasama penghasilan briquette sawit secara komersial ini adalah satu lagi pendekatan yang berupaya membantu industri sawit negara terutamanya kepada pengilang kelapa sawit ke arah pelupusan bahan buangan sawit yang lebih sistematik, mesra alam dan menguntungkan sekali gus meningkatkan imej industri ini.



BAHAN bakar briquette sawit dihasilkan daripada gentian tandan buah kosong (EFB) dan tempurung sawit menggunakan teknologi penekan piston.



MPOB

Cosmetic COURSE

The Quest of a Formulator:
Five Key Elements in
Formulating Emulsions



10 - 14 October 2011
MPOB Head Office, Bangi, Selangor

ENQUIRY/CONTACT

Registration
HRD & Conference Management Unit
Tel : 603-8926 7046
Fax : 603-8925 7549
Azizah Lockman/603-8769 4568/ azizah@mpob.gov.my
Solehah Abdul Bab/ 603-8769 4867/ solehah@mpob.gov.my

MALYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)
Ministry of Plantation Industries and Commodities, Malaysia
www.mpob.gov.my



MPOB hasil penilaian kitar hidup industri sawit

Kajian LCA tingkatkan kemampuan industri sawit

Oleh Siti Nurazlinee Azmi,
Dr Halimah Muhamad
dan Dr Tan Yew Ai

sitinurazlinee@bharian.com.my
tan@mpob.gov.my
halimah@mpob.gov.my

INDUSTRI minyak sawit negara bukan sekadar mahu meningkatkan hasil pengeluaran malah turut memberi komitmen jitu terhadap pemantauan/penjagaan alam sekitar supaya setiap aktiviti dalam meningkatkan hasil sawit negara tidak menjejaskan sistem ekologi sedia ada dan akhirnya boleh menyebabkan kemusnahan kepada alam sekitar.

Sehubungan itu, kumpulan penyelidik Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) diketuai Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, berjaya membangunkan analisis penilaian kitar hidup bermula dari tapak semaian hingga penghasilan dan penggunaan biodiesel sawit.

Antara tujuan utama penilaian kitar hidup ini adalah bagi mengekalkan industri sawit dan daya saing global dalam menghadapi peningkatan kos pengeluaran selain meningkatkan produktiviti serta menunjukkan kemampuan dan komitmen terhadap penyelesaian kesan terhadap alam sekitar.

Pada 2004, Choo menginisiatifkan kajian Penilaian Kitaran Hidup atau Life Cycle Assessment (LCA) dan pada 2006 kajian dimulakan ke se-

luruh rangkaian pemrosesan termasuk penghasilan biodiesel sawit bagi menyediakan maklumat terkini mengenai penjagaan alam sekitar.

LCA adalah alat untuk menilai beban alam sekitar yang dikaitkan dengan produk, proses atau aktiviti dengan mengenal pasti dan mengukur tenaga serta bahan digunakan termasuk sisa yang dilepaskan ke alam sekitar. Kajian MPOB ini hanya tertumpu kepada produk minyak sawit Malaysia termasuk biodiesel sawit dari sawit yang ditanam di tanah mineral.

Kajian LCA dilakukan berdasarkan sub-sistem termasuk aktiviti di tapak semaian sawit, ladang sawit, kilang sawit, kilang isirung sawit, kilang penapisan dan pemeringkatan sawit, loji penghasilan biodiesel dan penggunaan biodiesel sawit dalam kenderaan enjin diesel.

Kumpulan penyelidik LCA iaitu Dr Halimah Muhamad (tapak semaian sawit), Dr Zulkifli Hashim (ladang sawit), Dr Vijaya Subramaniam (kilang sawit dan kilang isirung sawit), Dr Tan Yew Ai (kilang penapisan dan pemeringkatan sawit) dan Dr Puah Chiew Wei (kilang biodiesel sawit) melakukan penilaian berkenaan yang merangkumi penanaman kelapa sawit di tapak semaian dan ladang sawit; pengekstrakan dan pemrosesan minyak sawit dan bahan isirung sawit, penghasilan biodiesel sawit, pengangkutan, penggunaan biodiesel sawit, kitar semula dan pelupusan akhir.

Selain itu, kajian LCA berkenaan dilakukan mengikut garis panduan ISO 14040 dan ISO 14044. MPOB berjaya menyiapkan kertas kerja berkaitan LCA industri sawit pada 2010 dengan dibantu pelbagai sektor daripada industri sawit dalam membekalkan maklumat berkaitan kajian dijalankan.

Keputusan LCA ini melalui proses pengesahan dan diluluskan panel bertauliah antarabangsa terdiri daripada pakar pengamal LCA terkenal.

Hasil kajian LCA ini boleh didapati dalam International Journal of LCA dan Journal of Oil Palm Research. Data inventori yang diterbitkan itu boleh digunakan sebagai rujukan oleh pihak industri sawit Malaysia dalam usaha pengurusan alam sekitar.

Di samping itu, data dari kajian LCA dihantar ke organisasi seperti Joint Research Centre of the European Commission and the Environmental Protection Agency of the US bagi tujuan pengesahan dan kemampuan biodiesel sawit di peringkat global. Ini akan memberi ruang pemasaran yang luas bagi produk berkaitan biodiesel sawit.

Sebagai contoh, hasil daripada salah satu kajian berkenaan, kumpulan penyelidik memperoleh cara memerangkap biogas menggunakan tangki digester atau kaedah penutupan kanvas di kolam anaerobik sama ada dibakar (flaring) atau digunakan untuk menghasilkan tenaga berbanding kaedah biasa biogas terhasil itu dilepaskan ke udara secara meluas semasa pengalihan sisa buangan kilang sawit.

Hasil kajian LCA itu mendapati berlaku pengurangan ketara terhadap pelepasan biogas ke udara dan secara tidak langsung mengurangkan kesan terhadap alam sekitar dan mencadangkan supaya semua kilang sawit memerangkap biogas bagi tujuan menjana tenaga elektrik sebagai sumber tenaga yang boleh diperbaharui.

Kini, ada 30 kilang sawit yang menjana tenaga elektrik dari biogas dan dijual kepada TNB/ SESB.

Dalam industri minyak sawit, LCA memainkan peranan dengan menyediakan butiran terperinci terhadap kesan alam sekitar yang berpunca daripada aktiviti dan proses sepanjang rangkaian bekalan minyak sawit. Dengan maklumat LCA, industri boleh menjalankan proses pembaikan sepanjang rangkaian bekalan untuk meningkatkan kemampuan industri sawit negara.

MPOB turut memainkan peranan mempromosikan kesedaran alam sekitar dalam industri sawit negara melalui seminar, perkhidmatan, perundingan dan kursus bagi meningkatkan pengetahuan kepada semua industri sawit dan seterusnya mengamalkan pendekatan penilaian kitaran hidup sebagai alat yang dapat menyumbang kepada kemampuan industri sawit negara.



PERTUMBUHAN anak benih sawit berumur 12 bulan menggunakan saiz 15"x18".

Jarak, saiz polibeg hasilkan benih berkualiti

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

B ANGI: Untuk menghasilkan anak benih sawit dengan kos efektif dan berkualiti tinggi, pengusaha tapak semaian perlu mengambil kira kombinasi jarak susunan dan saiz polibeg yang sesuai digunakan untuk anak benih sewaktu ia membesarnya di tapak semaian.

Berdasarkan kajian MPOB, kombinasi kedua-dua faktor itu serta tempoh masa maksimum anak benih perlu berada di tapak semaian sebelum dipindah untuk di tanam ke ladang adalah perkara utama yang perlu diambil kira untuk menghasilkan anak benih berkualiti.

Pegawai Penyelidik Kanan, Ahmad Afandi Murdi, berkata demikian semasa membentangkan kertas kerja bertajuk 'Kesan Jarak Susunan dan Saiz Polibeg ke atas Tumbesaran Anak Benih Sawit' sempena Seminar CoPN Menjamin Pengeluaran Anak Benih Sawit Berkualiti, baru baru ini.

"Penggunaan saiz polibeg yang berbeza memberi kesan ketara ke atas tumbesaran anak benih dan kesan ini dapat dilihat seawal anak benih berumur 8 bulan selepas ditanam.

"Saiz polibeg yang sesuai digunakan adalah 15 x 18 inci (38cm x 45cm) dan sekiranya saiz polibeg yang lebih kecil digunakan akan merendahkan nilai setiap parameter tumbesaran seperti bilangan pelepah per pokok, panjang pelepah dan ketinggian anak benih.

"Penggunaan saiz polibeg 15 x 18 inci (38cm x 45cm) dengan kandungan tanah lebih kurang 19 kg mampu menampung keperluan tumbesaran anak benih sawit dengan lebih baik berbanding saiz polibeg lain.

"Penggunaan polibeg yang kecil akan menyebabkan pertumbuhan anak benih sawit menjadi tirus," katanya.

Ahmad Afandi berkata, penggunaan polibeg bersaiz itu dengan jarak tanaman 0.9 meter se-



Ahmad Afandi Murdi

cara tiga segi sama juga adalah kombinasi terbaik dalam menghasilkan anak benih berkualiti kerana mampu meningkatkan pertumbuhan tampang dan berat kering keseluruhan anak benih sehingga berumur 12 bulan di tapak semaian.

"Oleh yang demikian, pengusaha tapak semaian disarankan supaya melakukan amalan dan kriteria ini dilaksanakan kerana ia adalah kaedah terbaik dalam mengurus dan menghasilkan anak benih berkualiti," katanya.

Beliau menjelaskan, umur anak benih sawit yang sesuai untuk mula dipindahkan dari tapak semaian dan ditanam ke ladang adalah anak benih yang minimum berumur 10 bulan.

Anak benih berumur 10 bulan mampu menghasilkan Buah Tandem Segar (BTS) yang setara dengan anak benih yang berumur 12 bulan yang ditanam mengikut amalan kebiasaan masa kini.

"Ia mampu mengurangkan kos pengurusan tapak semaian selama dua bulan dan sekiranya pengusaha bercadang menghasilkan anak benih sehingga 10 bulan saja, mereka boleh menggunakan polibeg bersaiz kecil, 12 x 15 inci dengan jarak 0.75 meter.

"Melalui kaedah ini, bilangan anak benih yang ditanam akan dapat ditingkatkan daripada 12,000 pokok untuk jarak 0.9 meter kepada 20,050 pokok bagi jarak 0.75 meter," katanya.

KURSUS DREBAR ENJIN 2011

TARIKH: 19-22 SEPTEMBER 2011
TEMPAT: IBU PEJABAT MPOB BANGI



MPOB

OBJEKTIF

Untuk menyediakan peserta menduduki Ujian Lisan Sijil Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Slim - Kelas Satu atau Kelas Dua yang dikelolakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

TOPIK UTAMA

- Perundangan dan Akta Keselamatan dan Kesihatan
- Akta Kilang dan Jenjera 1967
- Kod-kod rekabentuk
- Penyenggaraan Dandang Slim
- Perihal Dandang Slim dan Jenjera berkaitan
- Rawatan Air Dandang (Boiler Water Treatment)
- Pemeriksaan Berkanun (Statutory Inspection)
- Penyimpanan Dandang (Boiler Storage)

BAHASA PENGANTAR

Bahasa Melayu

YURAN PENDAFTARAN (RM 950)

Yuran meliputi bahan-bahan kursus, makanan dan minuman dan tidak termasuk penginapan.

PERMOHONAN

Borang permohonan boleh didapati di MPOB website di www.mpob.gov.my. Tarikh tutup permohonan 15 September 2011.

PERTANYAAN

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Pn. Azzah Lockman / Pn. Nor Khalizan Kimin
No. Tel: 03-87694568/4866
E-mail: khalizan@mpob.gov.my



Agenda tersembunyi NGO Barat guna orang utan raih publisiti

Skandal disebalik rang undang-undang pelabelan minyak sawit Australia?

PERTUBUHAN bukan kerajaan (NGO) negara barat menggunakan rangkaian Zoo Victoria di Australia untuk melancarkan kempen anti minyak sawit dengan melemparkan tuduhan mengaitkan pengeluaran minyak sawit dengan kemusnahan hutan dan kepupusan habitat orang utan.

Tidak dinafikan bahawa publisiti meluas diperlukan di dalam kempen sebegini dan tandatangan orang ramai yang prihatin dan bersimpati diperoleh dengan cara yang amat berhati-hati untuk menunjukkan sokongan terhadap kempen ini.

Cara sebegini adalah platform bijak untuk NGO memperoleh profil publisiti diperlukan. Kemudian mereka akan membentangkan rang undang-undang baru di Parlimen Kesatuan Eropah dan Parlimen Australia menggesa minyak sawit dilabelkan secara mandatori dan bukannya dikategorikan sebagai minyak sayur-sayuran yang kebiasaannya digunakan untuk pelabelan semua jenis minyak sayuran yang terdapat di dalam produk makanan.

Di dalam versi asal rang undang-undang pelabelan minyak sawit yang dibentangkan di dewan Senat Australia, minyak sawit mampan akan juga perlu dilabelkan secara berasingan apabila minyak sawit yang diiktiraf RSPO digunakan di dalam produk makanan yang dijual di Australia.

Walaupun ini bertujuan memper-tahankan 'hak pengguna untuk tahu supaya mereka boleh membuat pilihan tepat', niat terselindung adalah untuk menggalakkan penggunaan minyak sawit mampan RSPO manakala minyak sawit lain akan dipandang negatif melalui kempen antiminyak sawit dicanang NGO barat.

WWF yang merupakan pendukung utama kempen ini adalah satu-satunya ahli RSPO yang menyokong rang undang-undang ini ketika perbincangan mengenainya dilakukan Jawatankuasa Senat Australia.

Pada hakikatnya, penubuhan RSPO adalah strategi WWF. Dengan menyokong rang undang-undang ini, cita-cita WWF untuk mengawal rantaian bekalan minyak sawit akan tercapai melalui penggunaan mandatori minyak sawit RSPO sama ada di Australia atau di negara Kesatuan Eropah.

Usaha yang diselaraskan NGO ini menyebabkan satu rang undang-undang hampir sama diperkenalkan di Australia dan Kesatuan Eropah.

Konflik kepentingan akan jelas kelihatan apabila kajian mengenai kempen WWF di Australia diambil. WWF sedar bahawa Parlimen Kesatuan Eropah dan Australia akan



TAN SRI Bernard Dompok ditemu ramah oleh pemberita radio Australia Broadcasting Channel (ABC) di Canberra sempena lawatan ke Australia baru-baru ini. Turut kelihatan Ketua Eksekutif MPOC, Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron.

menolak sebarang sokongan (endorsement) yang khusus kepada minyak sawit RSPO mereka.

Walaupun ini terjadi, WWF masih mendapat manfaat daripada publisiti yang kian meningkat kerana isu ini mendorong orang ramai menderma dana untuk menyelamatkan orang utan melalui kempen pengiklanan mereka di televisyen Australia.

Berdasarkan kekerapan penampilan iklan ini di televisyen, adalah tidak mustahil untuk mempercayai bahawa WWF berjaya memperoleh sumbangan dana lumayan untuk menanggung kos pengiklanan itu.

Pada perbincangan terbaru dilakukan Jawatankuasa Ekonomi Dewan Rakyat Australia, saya amat kecewa melihat pihak-pihak yang diheret ke dalam proses perundangan sawit ini semata-mata untuk menentang rang undang-undang lucu ini yang hanya bertujuan mengumpul dana kepada WWF.

Ketika perbincangan ini berlangsung, hadirin dimaklumkan bahawa objektif rang undang-undang pelabelan minyak sawit ini tidak lagi relevan atau berkaitan dengan isu keselamatan makanan kecuali untuk 'memberi pengguna hak untuk mengetahui'.

Apa yang akan berlaku sekiranya di masa hadapan pengguna atas alasan ingin tahu, menuntut pula supaya minyak kelapa dilabelkan di dalam semua produk yang dijual di Australia?

Adakah rang undang-undang pelabelan baru akan diwujudkan? Kita memang tertanya-tanya adakah NGO seperti WWF benar-benar memperjuangkan isu pengguna atau lebih fokus untuk mengaut keuntungan dari sumbangan orang ramai yang mudah melalui pengiklanan atas publisiti yang dicipta menggunakan ikon orang utan.

Apa pula akan terjadi sekiranya rang undang-undang ini apabila diluluskan kelak menjadi satu bentuk halangan perdagangan dan mengugat pendapatan pekebun kecil yang bergantung kepada penanaman kelapa sawit untuk hidup di Malaysia?

Saya tidak membantah sekiranya wang dari saku penduduk kaya di Australia disalurkan kepada dana WWF untuk tujuan yang mulia.

Tetapi soalan yang kita perlu tanya sebagai penderma ialah, "Adakah dana dikumpulkan WWF Australia digunakan untuk memulihara habitat orang utan di Sabah atau Sarawak di mana orang utan boleh

didapati di Malaysia?

Oleh kerana hampir 100 peratus import minyak sawit Australia datang dari Malaysia, adakah salah sekiranya wang yang dikutip untuk tujuan pemuliharaan orang utan disalurkan kepada badan berkaitan di Malaysia?

Industri minyak sawit Malaysia menunjukkan komitmen tinggi dengan menawarkan dana sepadan kepada mana-mana dana disumbangkan bertujuan untuk membiayai projek pemuliharaan orang utan di bawah skim Tabung Pemuliharaan Hidupan Liar Minyak Sawit Malaysia (MPOWCF).

Di bawah skim ini, penaja aktif projek pemuliharaan orang utan di Sabah dan Sarawak juga disenaraikan dan diperakui. Ini menunjukkan ketelusan di dalam kerja dijalankan untuk tujuan baik.

Ahli-ahli Jawatankuasa Parlimen Australia meluahkan banyak masa dan usaha memahami tujuan sebenar rang undang-undang ini diperkenalkan yang berniat semata-mata membolehkan NGO mengumpul dana dengan berselindung di sebalik tema 'pemuliharaan'.

Pegawai kerajaan dari pelbagai Kementerian dan industri makanan di Australia yang tahu menge-

nai komplikasi yang akan timbul melalui rang undang-undang ini tidak menunjukkan sebarang sokongan kepada rang undang-undang ini.

Malah jika diluluskan, rang undang-undang ini hanya baik untuk 'rak internet' kerana rang undang-undang sama diperkenalkan pada 2008 ditolak oleh pihak berkuasa yang terbabit dalam penggubalan piawaian makanan di Australia.

Parlimen Australia perlu dimaklumkan bahawa satu rang undang-undang hampir sama ditolak Parlimen Kesatuan Eropah. Kesan positif dari perbincangan ini adalah sokongan diperoleh daripada pihak berkuasa tempatan mengenai sumbangan minyak sawit kepada kesihatan di dalam kegunaan barangan makanan, dan satu persetujuan bahawa kemapanan tidak harus dimasukkan ke dalam label makanan kerana ia adalah isu sosial dan bukannya isu keselamatan makanan ataupun nutrisi.

Sebaliknya, pelabelan sukarela boleh diguna untuk menggalakkan ciri tertentu di dalam satu-satu produk.

Jika kemusnahan hutan adalah isu membimbangkan NGO yang pro alam sekitar, saya mengingatkan pada hadirin yang hadir di perbincangan kedua ini bahawa Australia yang mempunyai bilangan penduduk lebih kecil berbanding Malaysia memusnahkan hutannya 5 kali ganda lebih tinggi berbanding Malaysia (lebih setengah juta hektar setiap tahun di antara tahun 2000 dan 2010).

Saya juga memberitahu mereka bahawa nisbah keluasan hutan berbanding keluasan tanah di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding Australia iaitu 56 peratus untuk Malaysia dan 19 peratus untuk Australia manakala nisbah keluasan tanah pertanian berbanding kawasan hutan di Malaysia adalah 1:3 sedangkan di Australia ia adalah 3:1 walaupun Australia mempunyai bilangan penduduk yang jauh lebih kecil berbanding Malaysia.

Jika WWF dan lain-lain NGO pro alam sekitar berhasrat menghalang kemusnahan hutan, Australia adalah negara yang lebih sesuai untuk diberi perhatian.

Ketika ini terdapat banyak hawa di Australia yang sudah pupus atau terancam dan banyak lagi produk pertanian Australia boleh dijadikan sasaran untuk pelabelan mandatori untuk memenuhi konsep 'hak pengguna untuk mengetahui'.

[Artikel ini disunting dan diterjemahkan dari artikel asal bertajuk, A Scam Behind The Australian Palm Oil Labeling Bill?. Sila layari www.ceopalmoil.com untuk mendapatkan salinan asal artikel ini

Produk sawit Malaysia perlu penuhi piawaian antarabangsa untuk pasaran seluruh dunia. Bincangkan

Sudut pelajar



**Pemenang Pertama
Muhamad Zulazreen Samad
(No. K/P: 950831-01-63337)
SMK Bukit Naning,
84200 Muar, Johor**

Malaysia adalah negara pengeluar utama minyak sawit dunia selain daripada Indonesia. Jumlah pengeluaran minyak sawit di kedua-dua negara ini mencecah 85.3 peratus daripada jumlah pengeluaran minyak sawit dunia. Pada tahun 2009, Malaysia mencatatkan pengeluaran minyak sawit sebanyak 17.6 juta tan manakala Indonesia sebanyak 21.1 juta tan.

Minyak sawit adalah sumber penyumbang terbesar kepada jumlah pengeluaran minyak sayuran dan lemak dunia dengan sumbangan sebanyak 27.6 peratus atau 45.36 juta tan pada tahun 2009. Oleh itu, bagi memantapkan lagi pasaran ke seluruh dunia, produk sawit Malaysia perlulah memenuhi piawaian antarabangsa.

Pertambahan dalam protokol antarabangsa baru seperti amalan terbaik dalam pengurusan perlindungan alam sekitar dan perubahan iklim boleh memberikan halangan bagi produk sawit Malaysia ke pasaran global.

Sejajar dengan Langkah Dasar Strategik dalam Model Baru Ekonomi, terdapat langkah yang dicadangkan meliputi dua perkara iaitu mematuhi satu set piawaian antarabangsa dalam memudahkan hubungan ke rangkaian penawaran dunia serta menjadikan Malaysia sebagai pengasas piawaian global ke atas produk-produk seperti makanan halal dan minyak sawit mampan. Oleh itu, Malaysia harus menerima pakai semua piawaian antarabangsa berkaitan, dan untuk setiap piawaian, sasaran satu penambahbaikan akan berlaku di dalam 10 kedudukan pilihan teratas untuk melakukan perniagaan, dalam satu tempoh yang ditentukan.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah mengambil inisiatif awal bagi memastikan kemampanan pengeluaran minyak sawit yang memenuhi piawaian antarabangsa. Hal ini kerana impak alam sekitar bagi penghasilan minyak sawit kini adalah isu besar yang perlu dihadapi industri sawit. Oleh ke-

rana perdagangan dalam pasaran minyak masak sentiasa berubah, kita perlu sentiasa pantas memenuhi perubahan dalam polisi dan peraturan semasa.

Oleh itu, industri minyak sawit menyediakan penilaian kitaran hidup terperinci (LCA) mengenai sejauh mana impak terhadap alam sekitar berlaku sepanjang rangkaian bekalan minyak sawit ini. MPOB telah memulakan kajian LCA ini pada tahun 2006. Penyelidikan LCA ini meliputi aktiviti di sepanjang kitaran hidup bagi penghasilan minyak sawit dan biodiesel sawit sehingga ke penggunaan biodiesel sawit dalam kenderaan diesel. Bagi menjamin kredibiliti, kajian LCA dijalankan berdasarkan garis panduan ISO 14040 dan ISO 14044. Hasil kajian juga diterbitkan di dalam jurnal antarabangsa untuk dijadikan rujukan penyelidikan antarabangsa. Dengan adanya hasil kajian ini, industri sawit negara dapat mengenal pasti peringkat yang perlu diperbaiki bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan menyumbang terhadap mitigasi perubahan iklim dan pemanasan global.

Selain itu, menjelang tahun 2012, pensijilan Kod Amalan Baik Tapak Semaian Sawit CoPN akan dimandatorikan bagi menjamin bekalan anak sawit berkualiti. Pengeluaran dan bekalan anak benih sawit berkualiti yang dihasilkan daripada baka DxP dan baka berhasil tinggi yang tulen penting bagi menjamin pengeluaran hasil buah tandan yang maksimum. Penggunaan anak benih berkualiti adalah antara faktor penting yang menentukan produktiviti ladang sawit. Pengeluaran anak benih sawit berkualiti tinggi amat bergantung kepada amalan pengurusan tapak semaian yang baik.

MPOB juga memastikan penghasilan minyak sawit secara mampan tanpa mencemarkan alam sekitar melalui beberapa strategi lain, antaranya kilang sawit diminta membina kemudahan bagi memerangkap biogas yang terhasil

daripada bahan buangan kilang sawit (POME). Ini kerana bahan buangan industri sawit berpotensi digunakan sebagai sumber bahan bakar yang boleh menghasilkan tenaga elektrik terutamanya dari kilang memproses buah sawit. Pernerangan biogas yang diperolehi di kilang-kilang sawit ini boleh mengurangkan kesan pelepasan karbon dioksida ke udara dan ini juga selaras dengan penekanan kerajaan terhadap penggunaan tenaga hijau bagi mengurangkan penggunaan tenaga dari sumber fosil.

Selain itu, tandan kosong sawit (EFB) dan sisa buangan kilang sawit (POME) dihasilkan dengan banyak turut membuka peluang kepada kilang sawit untuk turut menceburi bidang penajaan tenaga elektrik.

Ini juga adalah di antara langkah bagi meningkatkan pendapatan dan selaras matlamat Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) bagi sektor sawit.

Selain itu, minyak sawit juga menjadi sumber makanan utama dunia. Kepelbagaian penggunaan minyak sawit juga membolehkan pelbagai produk dihasilkan bagi manfaat kehidupan manusia. Malaysia mengimport minyak dan lemak ke negara-negara pengguna seperti Pakistan dan China dan ianya meningkat secara berperingkat seiring dengan pertumbuhan penduduk. Minyak kelapa sawit adalah yang paling banyak diimport ke negara itu yang merangkumi lebih 90 peratus dari jumlah keseluruhan minyak dan lemak import. Oleh itu penting bagi kita untuk memastikan produk yang dihasilkan itu adalah berkualiti dan memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh negara pengimport.

Kesimpulannya, Malaysia perlu memastikan segala produk sawitnya memenuhi piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan terutama dalam industri makanan. Selain itu, industri sawit negara harus meneruskan usaha bagi menghasilkan minyak sawit mampan. Pelaksanaan industri sawit secara mampan akan meyakinkan negara-negara pengimport untuk menjalankan urusan niaga minyak sawit dan produk berasaskan sawit dengan Malaysia.

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit September 2011

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Industri sawit mampan sumbang kepada pemuliharaan alam sekitar. Bincangkan."

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;
Hadiah Pertama : RM250
Hadiah Kedua : RM200
Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Oktober 2011

akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)
4. Keputusan juri adalah muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 September 2011
6. Hantarkan penyertaan ke alamat: Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Ogos 2011

Pemenang:

Hadiah Pertama
Muhamad Zulazreen Samad
(No. K/P: 950831-01-63337)
SMK Bukit Naning,
84200 Muar, Johor

Hadiah Kedua
Muhammad Ariffin B. Mustafa
(No. K/P: 940311-01-6713)
SMK Semerah
83600 Semerah, Batu Pahat, Johor

Hadiah Ketiga
Nur Auni Syamimi Md Sabri
(No. K/P: 980302-05-5506)
SMK Dato' Abu Bakar Baginda
Jalan Maktab, Sungai Merab,
Sepang, Selangor

KUIZ

KUIZ SAWIT SIRI 8



SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 23 September 2011
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon dan alamat sekolah yang lengkap kepada :
■ Ketua Pengarang Berita Sawit
Kuiz Sawit (Siri 9)
Ibu Pejabat MPOB
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)
Atau melalui Faks :03-89264572

SOALAN KUIZ 9

(Jawapan boleh dirujuk dalam Berita Sawit)

1. Nama deodoran yang dihasilkan oleh MPOB?
 Sulphur Liquido Deodorant Sulphur Deodorant
 Sophrolipid Liquid Deodorant
2. Tokotrienol adalah salah satu bahan yang diperolehi daripada sawit
 Betul
 Salah
3. Apakah yang dimaksudkan dengan nanoemulsi?
 Ianya bersaiz kecil dan lebih halus
 Bersaiz besar
 Bahan buangan
4. Apakah yang dimaksudkan dengan CoPN?
 Kod Amalan Baik Tapak Semaian
 Kod Baik Tapak Semaian
 Kod Terbaik Tapak Semaian
5. Apakah talian baru yang diperkenalkan oleh MPOB untuk mengkaji kos pengeluaran sawit secara online?
 e-kos
 e-pay
 e-COST
6. Apakah nama program yang dilancarkan untuk meningkatkan kesedaran pelajar sekolah menengah mengenai peluang kerjaya dalam industri sawit?
 KOMI
 PLASMA
 EDUPALM
7. Apakah nama penuh bagi WHO?
 World Health Organise
 World Health Organization
 World Trade Centre
8. Negara manakah yang meluluskan rang undang-undang untuk melabelkan minyak sawit pada produk makanan
 China
 Pakistan
 Australia
9. Minyak sawit adalah minyak sayuran
 Betul
 Salah
10. Batang sawit tidak sesuai bagi menghasilkan perabot
 Betul
 Salah

BORANG PENYERTAAN

- Nama :
- Tahap :
- Alamat Sekolah :
- No. Tel :
- Tandatangan Guru :

Pemenang Kuiz Sawit Siri 9

1. Muhammad Tharif Yazid
Sek. Keb. Kg. Jaya, Sg. Tong, Setiu, Terengganu
2. Ubaidullah Taquiddin Izzul Islam Azman
Sek. Keb. Balok, Kuantan, Pahang
3. Ahmad Faeze Azhari Ismail
Sek. Keb. Letenan Adnan, Jln Sungai Ramal, Kajang
4. Mohd Kamal Mohd Khari
Sek. Keb. Balok, Kuantan, Pahang
5. Muhammad Hafiz Akramin Mohamad Khizan
Sek. Keb. Desa Jaya, Bandar Tun Abdul Razak, Jengka, Pahang
6. Nur Alish Abdullah
Sek. Keb. Sg. Korok Lama, Alor Star, Kedah
7. Syasya Nurina Shahrul Izwani
Sek. Keb. Gangsa, Hang Tuah Jaya, Durian Tunggal, Melaka
8. Anisah Lani
Sek. Keb. Seri Setia, Kg Permatang Duku, Benut Pontian, Johor
9. Muhammad Syarifuddin Abd Karim
Sek. Keb. Rengit, Batu Pahat, Johor
10. Nur Sofea Hushaini
Sek. Keb. Seri Duyung, Melaka



LENSA

TAN SRI Bernard Dompok melekatkan Jalur Gemilang pada kenderaan sempena Majlis Pengibaran Jalur Gemilang Hari Kemerdekaan Ke-54.



TIMBALAN Menteri Perusahaannya Perladangannya dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin menginspeksi B5 ke dalam kenderaan sempena pelancaran penggunaan bio bahan api itu di peringkat Negeri Sembilan, baru-baru ini.



TIMBALAN Menteri Perusahaannya Perladangannya dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin menyampaikan replika cek bantuan Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS) kepada Felda Keratong Tujuh. Turut kelihatan Ahli Parlimen Rompin, Pahang, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (tiga dari kanan).

PENGERUSI MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad semasa majlis Berbuka Puasa MPOB anjuran Persatuan Kakitangan Islam MPOB.



PEKEBUN kecil sawit mengadakan demonstrasi di hadapan Kedutaan Australia, Kuala Lumpur membantah cadangan Kerajaan Australia bagi menguatkuasakan Undang-Undang pelabelan minyak sawit pada produk makanan yang menggunakan minyak sawit.



KETUA Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kanan) menandatangani kontrak penyambungan penerbitan Berita Sawit untuk tempoh sehingga 31 Julai 2012 bersama Pengarah Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid sambil disaksikan Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad (dua dari kiri) dan Timbalan Pengarah Kumpulan Berita Harian, Mahfar Ali di Balai Berita.